

Kaedah baru mengajar bahasa Arab

Nilai: Penyelidik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya membangunkan kaedah baharu bagi memudahkan proses pembelajaran dan pengajaran linguistik Arab dan kemahiran bahasa Arab.

Dikenali sebagai Al-Takamuliah Al-Muthla (ATAM), kaedah itu memberi penyelesaian kepada pensyarah bagi memperkemaskan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab merangkumi aspek penulisan, pendengaran, percakapan dan pembacaan menerusi al-Quran dan Sunnah.

Penyelidikinya, Prof Madya Dr Asma Abdul Rahman, berkata penggunaan kaedah ATAM membolehkan pelajar mempelajari kemahiran linguistik dan kemahiran bahasa Arab secara lebih cepat, tepat dan mudah sekali gus meningkatkan minat pelajar yang tidak mempunyai kemahiran bahasa Arab.

Mudah faham

“Menerusi ATAM, pelajar lebih mudah faham dengan cepat malah mereka juga boleh mengaplikasi secara terus dalam ayat al-Quran selain mampu menganalisis teks bahasa Arab.

“Pengaruhannya juga memberi impak jelas kepada peningkatan kualiti, produktiviti dan

kepuasan kepada pelajar, khususnya dalam memahami secara mendalam aspek mubham dan alghumoudh dalam ayat al-Quran,” katanya.

Beliau berkata, sebelum ini proses pengajaran dan pembelajaran linguistik Arab dan kemahiran bahasa Arab menggunakan kurikulum yang pelbagai dan kurang menggunakan teknologi pendidikan menyebabkan kurang diminati pelajar kerana menganggap sukar dipelajari dan agak membebankan mereka.

Cakera padat

Katanya, ATAM membantu pensyarah menggunakan kaedah yang lebih cekap, menjimatkan masa, berkualiti dan mudah.

“Kaedah ini dibangunkan dalam bentuk cakera padat dan buku yang diterbitkan dengan kos yang rendah.

“Penulisan berkaitan kaedah ini sudah diterbitkan dalam jurnal berwasit, Al-Majalah Al-Ilmiah dan UAEU selain dibentangkan di pelbagai persidangan antarabangsa di Maghribi, Emiriyah Arab Bersatu dan Thailand,” katanya.



Dr Asma memenangi anugerah pencipta ATAM.